

27 JAN 2003

Umno-Terengganu

UMNO TERENGGANU AKUR DENGAN KEPUTUSAN KEPIMPINAN

KUALA TERENGGANU, 27 Jan (Bernama) -- Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Terengganu Datuk Idris Jusoh hari ini berkata barisan kepimpinan Umno negeri sentiasa akur dengan sebarang keputusan pucuk pimpinan parti termasuk kesediaan untuk tidak dipilih sebagai calon pilihan raya umum akan datang.

Malah, katanya sikap keterbukaan semua lapan Ketua Bahagian Umno Negeri itu termaktub dalam akujanji yang ditandatangani mereka lebih setahun lepas.

"Saya sendiri tetap akur dengan sebarang keputusan mengenai kedudukan saya sama ada sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri atau calon pilihan raya," katanya.

Beliau mengulas saranan Dr Mahathir semalam agar semua pemimpin Umno mengundurkan diri untuk memberi peluang kepada Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, mengatur semula segala-galanya memandangkan ada pemimpin yang memegang jawatan sejak sekian lama.

"Timbalan Pengerusi Perhubungan tidak semestinya terpilih secara automatik oleh pucuk pimpinan parti untuk menjadi calon," kata Idris ketika dihubungi di sini.

Mengenai rombakan barisan kepimpinan Umno negeri, Idris berkata buat masa ini, perkara itu tidak berbangkit tetapi sejajar dengan akujanji yang telah ditandatangani, Umno Terengganu akan menerima sebarang keputusan kepimpinan parti.

Beliau berkata seluruh jentera parti mesti bersedia menggembleng tenaga, mengeratkan perpaduan dan mengenyahkan kepentingan peribadi untuk menawan semula Terengganu daripada PAS pada pilihan raya umum akan datang.

Selaras dengan pendirian itu, anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Takir Datuk Abdul Rashid Ngah menyerahkan kepada kebijaksanaan Abdullah selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri untuk membuat apa-apa keputusan berhubung kedudukan barisan kepimpinan Umno negeri.

Bagaimanapun, Abdul Rashid yang juga Ketua Umno Bahagian Kuala Nerus menyarankan pemilihan jawatan ketua bahagian diselesaikan melalui mesyuarat perwakilan bahagian.

Selaku Ketua Pembangkang di negeri ini, Abdul Rashid berkata beliau menerima segala keputusan yang dibuat oleh kepimpinan parti jika beliau tidak dipilih untuk menjadi calon pilihan raya akan datang.

Abdul Rashid adalah satu-satunya ADUN Umno di negeri ini yang masih terus bertahan sejak tujuh penggal pilihan raya yang lalu.

Bekas Timbalan Menteri Pertanian yang juga Ketua Umno Bahagian Setiu Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor menyifatkan "pemimpin datang dan pergi" satu amalan biasa yang bertujuan untuk menjamin kekuatan dalaman parti.

Beliau berkata saranan Dr Mahathir akan membolehkan kepimpinan parti di peringkat pusat memilih calon-calon Umno yang efektif bagi menjamin kejayaan cemerlang parti.

"Saya sendiri akan mengambil tindakan yang sama (berundur) tetapi parti akan rugi jika orang yang efektif berundur. Saya pasti pucuk kepimpinan tidak akan berbuat begitu," katanya.

Setiausaha Perhubungan Umno Negeri Datuk Ismail Said pula berkata dalam konteks Terengganu, kehadiran muka-muka baru diharap dapat membawa kejayaan kepada Umno pada pilihan raya akan datang.

"Kita akan sokong golongan baru yang dipilih kerana yang penting kita

hendak tawan semula Terengganu (daripada tangan PAS)," katanya.

ADUN Ajil Rosol Wahid berpendapat saranan Perdana Menteri itu bertujuan mengelak budaya "peteh keting" dan cantas-mencatas sesama sendiri.

Rosol tidak menafikan terdapat golongan muda atau baru dalam Umno yang perlu diketengahkan kerana kewibawaan kepimpinan masing-masing.

Bagaimanapun, katanya, golongan lama yang masih boleh memberi khidmat yang baik kepada rakyat tidak wajar diketepikan.

"Bagi saya sendiri, saya tetap akur dengan apa jua keputusan kepimpinan. Saya bersikap terbuka dalam hal ini kerana mungkin ada orang lain yang lebih baik daripada saya," katanya.

-- BERNAMA

MRA AM NAK